

02 JUL 1997

INTERNET MEMUNGKINKAN SEGALA

(Laporan Khas)

Oleh: M. HAMZAH JAMALUDIN dan NORAYANI ISMAIL

KUALA LUMPUR: Hanya setelah berada di luar negara, anda menyedari beberapa urusan di rumah belum dibereskan. Usah risau, dengan Internet urusan ini boleh dikendalikan dari jarak jauh.

Segala yang berlaku di rumah dapat anda perhatikan dan beberapa urusan boleh dikendali dengan hujung jari.

Mungkin ini agak futuristik, tapi ia hampir pasti berlaku dalam beberapa tahun saja lagi -- terima kasih kepada teknologi canggih Internet.

"Ia boleh berlaku...bayangkan anda boleh memetik suis lampu rumah anda hanya dengan menyentuh `ikon' di monitor komputer, tidak kira di mana anda berada asalkan boleh mengakses kemudahan Internet," kata Dr Vinton D. Cerf, digelar Baba Internet.

Pengasas teknologi terancang abad ini menjangka ia boleh direalisasikan selewat-lewatnya pada tahun 2000, yang kemudiannya akan dituruti dengan kebolehan mengawal segala jenis peralatan elektronik yang lain.

Beliau dan rakannya Bob Cahn telah mula menghubungkan beberapa jenis rangkaian maklumat pada 1973, tanpa menyedari bahawa 24 tahun kemudiannya teknologi ciptaan mereka itu mampu membuat kejutan dan berkembang begitu pesat di seluruh dunia.

Kini terdapat 400 juta penduduk dunia yang dihubungi dengan Internet. Dr Cerf meramalkan angka itu akan meningkat kepada 700 juta pada dekad akan datang.

"Kami tidak pernah menjangkakan Internet akan berkembang sebegini besar -- terdapat lebih 200,000 rangkaian Internet, tidak termasuk rangkaian Intranet syarikat dan organisasi," katanya.

Satu perkara yang menarik, Internet menyediakan ruang tanpa batasan sama ada fizikal atau imaginasi untuk seseorang itu mengembangkan idea kreatifnya.

"Tiada batasan kepada perkara yang boleh diprogramkan, Internet tidak mempunyai batasan, fungsinya adalah terpulang kepada idea anda sendiri dalam menulis program perisian," katanya.

Apa yang akan dibawa teknologi Internet pada masa hadapan adalah sesuatu yang tidak dapat diramalkan, apatah lagi pada masa ini telah lahir ribuan manusia kreatif yang berjaya membangunkan pelbagai aplikasi canggih yang hanya beberapa tahun dahulu difikirkan mustahil.

Dr Cerf menekankan semua orang sepatutnya mengambil peluang yang disediakan Internet kerana ia suatu teknologi yang mudah didapati, tiada rahsia, tidak dipaten dan mempunyai standard yang terbuka.

"Sesiapa sahaja yang mahukan akses kepada Internet patut mendapat akses tidak kira di sekolah, di rumah atau di tempat kerja," katanya.

Bagaimanapun, segala kecanggihan yang dibawa Internet tidak akan memberi erti kepada sebahagian besar masyarakat kerana mereka masih lagi jahil dengan teknologi itu.

"Bagaimana mereka boleh menerima Internet sedangkan beberapa kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan telefon masih belum diperolehi," katanya dalam nada serius.

Dr Cerf menjelaskan apa yang perlu difikirkan ialah mempercepatkan pembinaan infrastruktur asas yang diperlukan dan memberi peluang kepada lebih banyak anggota masyarakat mendampingi Internet.

"Tidak semesti kita melakukannya serentak atau menyediakan kemudahan terlalu canggih seperti gentian optik ke setiap kampung...yang penting

majoriti masyarakat berpeluang menikmati apa yang ditawarkan Internet.

"Sekurang-kurangnya satu komputer di setiap kampung atau letakkan ia di tempat perjumpaan orang ramai seperti di perpustakaan awam," cadang beliau.

Katanya, perkara ini perlu diberi perhatian dalam usaha Malaysia menjayakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang mula mendapat perhatian dan dikagumi masyarakat antarabangsa.

"Kita harus sedar tidak semua negara atau kawasan luar bandar di Malaysia sendiri mempunyai infrastruktur secanggih apa yang bakal dibangunkan di MSC," katanya mengulas langkah-langkah yang perlu diambil dalam menjayakan MSC.

Beliau yang kesal kerana tidak berpeluang menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melahirkan idea membangunkan MSC berkata Malaysia perlu memikirkan cara untuk menyalur keluar kemudahan dari MSC melalui satu sistem yang sejajar kepada semua pihak termasuk mereka di kawasan terpecil.

"Beliau (Dr Mahathir) telah mejalankannya (pembangunan MSC) dengan baik, saya tidak tahu sama ada perkara lain yang perlu dinasihatkan...tetapi perkara inilah yang ingin saya sampaikan jika saya dapat menemuinya," kata beliau yang telah dua kali berkunjung ke Malaysia.

Pada masa akan datang Internet akan lebih mudah diakses dan mampu diperolehi oleh lebih ramai orang dengan terciptanya alat seperti WebTV yang dapat membawa kemudahan Internet kepada peti televisyen.

Dengan Internet menjadi lebih mudah didapati, pada masa akan datang ia bukan sahaja dapat membantu peralatan elektronik berinteraksi antara satu sama lain, malah peralatan itu dapat berinteraksi dengan manusia.

"Ketika itu, apa yang dulunya televisyen dan radio yang `dungu', akan mengandungi perisian yang dapat menterjemah maklumat yang dihantar kepadanya.

"Peralatan elektronik akan menjadi peralatan pintar yang dapat memahami pertuturan manusia dan tidak hanya mempamerkan gambar dan mengeluarkan bunyi," kata beliau.

Bayangkan anda dapat mengarahkan televisyen mencari program atau filem yang diinginkan melalui Internet dan meminta radio mencari lagu kegemaran dengan cara yang sama.

"Kita tidak dapat menjangkakan apa yang akan berlaku pada masa akan datang kerana kegunaan Internet adalah bergantung kepada perisiannya.

"Paling menyenangkan, Internet membolehkan ada melakukan hampir apa saja yang anda mahu," katanya. -- BERNAMA

HJ/NI/RS